



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 15 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BELAJAR TANAM ANGGUR DARIPADA YOUTUBE, DALAM NEGERI, UM -33	LAIN-LAIN
2.	BELAJAR TANAM ANGGUR GUNA YOUTUBE, NEGARA, KOSMO -16	
3.	DURIAN TUA TIDAK LAGI 'RAJUK', DALAM NEGERI, UM -33	
4.	KOPI KEDAH DIBERI NAFAS BAHARU, BISNES SINAR, SH -30	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Belajar tanam anggur daripada YouTube

PONTIAN: Alah bisa tegal biasa. Itulah perumpamaan yang sesuai terhadap seorang pekebun yang menjadi bahan ketawaran-rakannya ketika mengikuti 'kelas pengajian' menanam buah anggur melalui laman YouTube.

Biarpun ramai tidak yakin dengannya, Saadan Selamat, 59, membuktrikan usaha gigihnya membuahakan hasil apabila 13 pokok anggur pertamanya yang mula ditanam pada 2019 akhirnya berbuah.

Kejayaan itu menepis tanggapan rakan-rakannya yang menyifatkan buah tersebut hanya sesuai ditanam di kawasan sejuk sahaja.

"Semuanya saya belajar daripada seorang petani di Indonesia melalui YouTube yang menerangkan pelbagai perkara daripada kerja-kerja penanaman, penjagaan pokok, tempoh menuai dan langkah selanjutnya.

"Daripada pemerhatian saya, tanaman anggur mudah kerana penjagaannya tidak rumit seperti sayur-sayuran atau buah-buahan yang lain," katanya ke-



SAADAN Selamat menunjukkan tanaman anggur yang diusahakannya di Kampung Parit Mastar Laut, Benut, Pontian, Johor. - UTUSAN/ MUHAMMAD ZIKRI

tika ditemui di Kampung Parit Mastar Laut, Benut, di sini, malam.

Bagaimanapun, Saadan yang memilih varieti Isabella yang disifatkan sebagai tahan lasak dengan cuaca panas tidak sempat

merasa hasil pertama tersebut kerana terlebih dahulu diganggu oleh haiwan perosak seperti kelelawar, tupai dan musang. Katanya, disebabkan gang-

RM10,000 untuk menaik taraf kawasan tanaman itu.

Sementara itu, menurut Saadan, sebelum penanaman, keadaan asas tanah perlu dicampur dengan beberapa bahan seperti sekam padi, sabut kelapa dan tahi kambing asli yang bertujuan meneutralkan tanah tersebut.

Dia sebelum ini juga merupakan antara penanam buah durian belanda yang berjaya di Benut sekitar 15 tahun dahulu, namun kesemua 40 pokok ditanamnya musnah dalam kejadian banjir besar sehingga menjejaskan pasaran eksport ke Singapura.

"Pernah saya mendapat jualan durian belanda sehingga RM800 sehari yang tentunya menggembirakan apabila segala penat lelah mengusahakan tanaman akhirnya berbaloi.

"Selepas tidak mengusahakan tanaman durian belanda, saya beralih kepada tanaman kelapa sawit sehingga sekarang dan kini mengharapkan tanaman anggur juga mampu memberi pulangan baik suatu hari nanti," katanya.

Belajar tanam anggur guna YouTube

Oleh MUHAMMAD ZIKIRI

PONTIAN – Alah bisa tegal biasa. Itulah perumpamaan yang sesuai terhadap seorang pekebun yang menjadi bahan ketawa rakan-rakannya ketika mengikuti 'kelas tutorial' menanam buah anggur melalui laman sosial, YouTube.

Biarpun ramai tidak yakin dengan kebolehan Saadan Selamat, 59, dia membuktikan usaha gigihnya membuahkan hasil apabila 13 pokok anggur pertama yang mula ditanam pada 2019 akhirnya memberikan pulangan.

Kejayaan itu menepis tanggapan rakan-rakannya yang menyifatkan buah tersebut hanya sesuai ditanam di kawasan sejuk sahaja.

"Semuanya saya belajar daripada seorang petani di Indonesia melalui YouTube yang menerangkan pelbagai perkara daripada penanaman, penjagaan pokok, tempoh menuai dan langkah selanjutnya.

"Darpada pemerhatian saya,



SAADAN menunjukkan tanaman anggur yang diusahakannya di Kampung Parit Mastar Laut, Benut, Pontian baru-baru ini.

tanaman anggur mudah kerana penjagaan tidak rumit seperti sayur-sayuran atau buah-buahan yang lain," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Mastar Laut, Benut di sini baru-baru ini.

Bagaimanapun, Saadan yang memilih anggur jenis varieti Isabella yang disifatkan sebagai tahan lasak dengan cuaca panas tidak sempat merasa hasil pertama tersebut kerana terlebih dahulu diganggu oleh haiwan perosak seperti kelawar dan tupai.

Katanya, selepas itu dia mula memperkembangkan kawasan tanaman itu dengan memasang besi yang dilitupi plastik bagi melindungi pokok-pokok anggur yang tidak menerima hujan yang berlebihan.

Ujarnya lagi, dia akan terus belajar di YouTube agar tanaman anggurinya itu akan membuahkan hasil lumayan selepas modal hampir RM10,000 telah digunakan untuk mengusahakan anggur itu sehingga mengeluarkan buah.

Durian tua tidak lagi 'rajuk'

Oleh **AIN SAFRE BIDIN**

utusannews@mediamulla.com.my

PASIR SALAK: Sejak ditenggelami banjir pada 2014, pokok durian di sekitar kawasan Pasir Salak di sini tidak lagi berbuah seperti biasa, malah, banyak pokok raja buah itu yang mati akibat lama terendam dalam air.

Antara kawasan tanaman durian terkenal di Pasir Salak ialah di Pulau Tiga, Teluk Sareh, Kampung Pasir Salak dan Kampung Jawa yang menjadi tumpuan penggemar raja buah itu sehingga kerap dianjurkan pesta durian.

Namun, 'rajuk' pokok durian tua di sini seakan-akan sudah berakhir apabila pokoknya kembali berbuah sejak kebelakangan ini.

Penjual durian, Mohd. Yusri Mohd. Salleh, 27, berkata, dia tidak menyangka pokok durian tua berusia kira-kira 50 tahun yang ditanam datuknya akhirnya berbuah kali ini.

Menurutnya, sebelum ini, sejak pokok berkenaan terendam air banjir pada 2014, pokok durian tua tidak pernah berbuah lagi.

Katanya, lebih mengembirakan ini pertama kali pokok berkenaan berbuah selepas ditenggelami banjir pada 2014.

"Pokok durian di dusun milik keluarga saya ditanam datuk kira-kira 50 tahun dulu nampaknya sudah mula berbuah semula selepas banjir pada tahun 2014 yang menyebabkan banyak pokok durian mati dan rosak akibat lama terendam dalam air," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mohd. Yusri berkata, ketika ini, pokok durian yang paling tua saja yang berbuah namun buahnya tidak lebat seperti dahulu.

Menurutnya, ia merupakan petanda yang baik kerana pokok durian tua berbunga setiap kali musim durian dan sudah kembali berbuah berbanding pokok yang baru ditanam yang mana bunganya gugur.

"Ada pemilik dusun yang menaman semula, namun, ia memakan masa yang lama untuk berbuah dan banyak mengeluarkan modal seperti membeli baja dan penjagaan yang rapi," katanya.



MOHD. Yusri Mohd. Salleh (kiri) dan rakannya menjual durian dari pokok tua yang kembali berbuah di Pasir Salak semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Kopi Kedah diberi nafas baharu



Che Nai berada di ladang kopi yang diusahakannya di Kampung Bandar Hilir, Teloi, Sik.

Nescafe Kopi Kedah angkat martabat kopi tempatan

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

SIK

Kedah telah lama mengusahakan penanaman kopi seawal tahun 90-an, namun penurunan harga akibat pasaran tidak menentu mengakibatkan kemerosotan industri itu.

Bagaimanapun, penanaman kopi di Kedah telah diberi nafas baharu setelah wujudnya jalinan kerjasama oleh syarikat pengeluar makanan, Nestle yang mempromosikan produk dengan kandungan 100 peratus kopi tempatan melalui edisi terhad 'Nescafe Kopi Kedah' sekali gus memartabatkan industri itu ke peringkat lebih tinggi.

Pengusaha ladang kopi, Che Nai Hassan, 65, berkata, beliau berbangga apabila kopi yang diusahakan jenis Robusta di ladang seluas dua hektar miliknya itu antara yang terpilih membekalkan kopi kepada syarikat berkenaan.

Berpengalaman lebih 20 tahun dalam bidang penanaman kopi, Che Nai berkata, sebelum ini, beliau memasarkan kopi kepada beberapa pihak, selain turut melakukan proses pengeringan buah kopi secara kecil-kecilan.

"Apabila Nestle memohon untuk membeli buah kopi mentah bagi tujuan memproses dan menghasilkan produk terbaharu mereka tahun lepas, saya tidak teragak-agak untuk menerima tawaran tersebut," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, pokok kopi yang ditanam akan mencapai usia matang dalam tempoh tiga tahun sebelum mengeluarkan buah dan boleh dituai setelah masak.

Ladang yang diusahakan bersama ahli keluarga di Kampung Bandar Hilir, Teloi, Sik itu mempunyai 2,000 batang pokok yang mengeluarkan kira-kira 30 tan buah kopi setahun.

"Saya berterima kasih kepada semua agensi yang turut membantu dalam projek pembangunan kopi selain bimbingan dan tunjuk ajar bagi meningkatkan pengeluaran dan kualiti tanaman sekaligus menghasilkan kopi yang menepati kehendak pasaran," katanya.

Apabila ditanya apakah keistimewaan kopi yang ditanam di Kedah sehingga menjadi pilihan menghasilkan produk terbaharu, katanya, kopi jenis Robusta yang sesuai ditanam di negeri itu mempunyai rasa yang unik serta aroma yang memikat sehingga menjadi kegunaan penggemar minuman itu.

Sementara itu, pembekal benih kopi jenis Robusta, Romlah Hamid, 63, berkata, hasil penjualan anak benih yang diusahakan setakat ini menjadi sumber pendapatan utama keluarga.

Beliau yang berpengalaman



Buah kopi mentah akan dijual kepada syarikat Nestle bagi penghasilan Nescafe Kopi Kedah.

lebih 10 tahun dalam bidang penanaman kopi berkata, pihaknya teruja apabila cantuman benih yang dihasilkan mampu mengeluarkan biji kopi di mana pemrosesan seterusnya oleh pihak ketiga akhirnya menjadi produk 'Nescafe Kopi Kedah'.

"Kalau nak diikutkan, Kopi Kedah jenis Robusta ini mempunyai rasa yang sedap serta ada peminatnya tersendiri," jelasnya.

Setakat ini, katanya, menerusi nurseri yang diusahakan di Bandar Baru, Beris Jaya, Sik, sebanyak 20,000 anak benih telah dijual di mana bakinya sebanyak 3,000 sedang menunggu untuk memasuki pasaran pada bila-bila masa.

"Kita sedang mengusahakan sebanyak 10,000 lagi anak benih termasuk yang telah dibuat cantuman bagi meningkatkan lagi kualitinya.

"Anak benih yang matang berusia kira-kira setahun dan telah menjalani beberapa proses sebelum ia bersedia untuk dijual," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Pertanian (Pengembangan) Negeri Kedah, Norhafizah Abdul Rahman berkata, projek pembangunan Kopi Robusta Kedah bertujuan mengurangkan ketergantungan kepada kopi import, meningkatkan pengeluaran biji kopi tempatan dari anak semaian tempatan dan menambah keluasan tanaman kopi di Kedah.



Romlah menunjukkan anak benih kopi jenis Robusta yang diusahakannya di Bandar Baru, Beris Jaya, Sik, Kedah.

Menurutnya, dengan pertambahan bilangan petani serta keluasan tanaman, ia mampu memenuhi permintaan kopi tempatan di samping mewujudkan sumber pendapatan kepada pengusaha dan menyokong industri hiliran berasaskan kopi tempatan.

"Kedah memiliki 50.46 hektar tanaman kopi sedia ada di beberapa daerah antaranya Sik, Baling, Kubang Pasu, Padang Terap, Yan dan Pendang membabitkan penanaman lebih 46,000 pokok dan 47 orang petani.

"Dengan adanya pertambahan kawasan penanaman membabitkan 50 hektar menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 yang akan dilaksanakan pada 2021 hingga 2025, ia sudah tentu dapat meningkatkan pengeluaran dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

Selain itu, Exco Pertanian dan Industri Makanan, Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat India Kedah, Azman Nasrudin mengalu-alukan rakyat negeri itu untuk mengusahakan ladang kopi memandangkan kopi jenis Robusta sesuai ditanam di Kedah.

Menurutnya, biarpun penanaman kopi telah lama diusahakan rakyat Kedah, namun dengan adanya jalinan kerjasama antara Nestle yang mempromosikan edisi terhad menerusi Nescafe Kopi Kedah, memberi nilai tambah kepada kopi tempatan.

"Pihak Nestle juga difahamkan masih memerlukan dan sedang mengenalpasti ladang yang boleh membekalkan kopi kepada mereka.

"Kerajaan negeri sentiasa menyokong dan menggalakkan lebih ramai pengusaha dan petani untuk terlibat dalam penanaman kopi," katanya.



Norhafizah (kiri) bersama Che Nai dan Azman (kanan) menunjukkan pembungkusan Nescafe Kopi Kedah yang mana kandungannya 100 peratus dari kopi yang diusahakan petani di Sik.